

## Soalan 2

Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respon kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

Send Attach Save Draft Spelling Cancel

Daripada: suryasuhaimi@e-sembang.com.sg Show BCC

Kepada: faridahfazali@e-sembang.com.sg

Subjek: Persiapan untuk Peperiksaan Peringkat 'O' Plain Text

Arial 12 B I U T [color] [font] [emojis] [link] [unlink] [list] [ul] [table] [table]

Faridah

Apa khabar sahabatku? Saya di sini sihat-sihat sahaja. Ingatkah awak kali terakhir kita berjumpa kira-kira setahun yang lalu? Pada waktu itu, secara kebetulan keluarga kita bercuti di tempat yang sama iaitu Bandung. Sejak itu, hanya beberapa kali sahaja kita berutus e-mel. Di sini, saya ada mengirimkan gambar-gambar awak dengan saya sewaktu kita di Bandung dulu.

Pada ketika ini, saya sedang sibuk mempersiapkan diri untuk peperiksaan peringkat 'O'. Di samping ulang kaji yang saya buat di rumah, guru-guru di sekolah juga mengadakan kelas tambahan selepas waktu sekolah setiap hari. Kerja-kerja latihan di rumah juga banyak sekali. Kadang kala saya berasa penat juga dan ada kalanya seperti berputus asa. Akibat daripadanya, saya juga sering sakit-sakit.


Saya mendengar khabar daripada ibu saya bahawa awak ialah antara pelajar cemerlang di sekolah awak sekarang. Sewaktu PSLE dulu pun awak dipuji oleh guru-guru kita kerana keputusan cemerlang yang awak peroleh. Bolehkah awak berkongsi panduan dengan saya agar saya akan lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan peringkat 'O' kelak? Moga-moga panduan yang diberikan oleh awak itu dapat membantu saya.

Saya menantikan e-mel daripada awak. Terimakasih.

Yang benar

Surya

## Emel Tidak Rasmi 2

<p><b>Introduction</b></p> <p>Exchanging pleasantries</p>	 <p>Surya</p> <p>Terimakasih di atas kiriman e-mel awak. Memang sudah lama saya tidak mengirinkan awak khabar berita. Maafkan saya kerana saya agak sibuk dengan kegiatan seharian sehingga saya terlupa mengirinkan khabar. Saya dan keluarga dalam keadaan sihat. Saya tumpang gembira mendengar awak juga sihat-sihat sahaja di samping keluarga yang tercinta.</p>
<p><b>The Main</b></p> <p>Responding to query to set up the context</p>	<p>Memang saya masih ingat lagi akan percutian kita di Bandung. Terimakasih di atas gambar-gambar yang awak kiriman. Saya sering melihatkannya kerana ia merakam suasana seronok kita bersama di Bandung. Saya rasa agak segan apabila dikhabarkan sebagai antara pelajar cemerlang di sekolah saya. Namun saya akui akan kebenaran kata-kata ibu awak kerana saya telah dinobatkan sebagai pelajar teladan oleh pengetua sekolah saya kerana kejayaan konsisten saya dalam pelajaran dan kegiatan ko-kurikulum. Saya juga tersentuh kebimbangan apabila mendengar masalah-masalah yang awak hadapi untuk mempersiapkan diri bagi peperiksaan peringkat 'O' nanti. Di dalam e-mel ini saya akan berkongsi panduan agar awak tidak mudah penat, berputus asa dan juga sakit-sakit dalam membuat persiapan. Malah melalui panduan ini saya juga harap awak akan lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan peringkat 'O' nanti.</p>
<p>Sharing guide to prevent:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Fatigue</li> </ul>	<p>Saya sering menyenaraikan tugas-tugas yang perlu saya lakukan agar saya tidak mudah lupa. Saya isikan tugas-tugas tersebut dalam senarai waktu yang saya buat setiap hari. Saya tidak buat semua tugas dalam satu hari tetapi saya selesaikannya mengikut urutan kepentingan. Tugas yang mustahak dan perlu diselesaikan cepat akan saya dahulukan. Selainnya akan saya buat pada hujung minggu. Selain daripada tugas-tugas sekolah dan kerja-kerja rumah, saya juga selitkan aktiviti-aktiviti riadah agar saya tidak mudah rasa penat dan dapat memberikan fokus yang baik sewaktu melakukan tugas sekolah. Aktiviti riadah yang saya gemar lakukan adalah</p>